



PERANAN VIVA PALESTINA MALAYSIA DALAM KONFLIK KEMANUSIAAN DI PALESTIN

Noor Atika Shafinaz Binti Nazri

Sarjana Hubungan Antarabangsa, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia
e-mail: atikashafinaz@gmail.com

DOI: http://dx.doi.org/10.30983/islam_realitas.v3i1.213

Diterima: 6 Mei 2017

Direvisi: 5 Juli 2017

Diterbitkan: 15 Juli 2017

Abstract

Humanitarian aid has become one of the human rights agenda in international world. In this case, there are various international organizations including non-governmental organizations (NGOs) involved. For Malaysia, the NGO is well regarded as one of the NGOs most active in providing humanitarian aid to Palestine. The organization has been using the platform of non-governmental organizations in providing humanitarian assistance to the Palestinian people. This study focuses Viva Palestina Malaysia, which is one of Malaysia NGOs active in Palestine. It will review the activities of the police and Viva Palestina Malaysia contribution towards the Palestinians. The study will indicate the role of non-governmental organizations in the fight for the truth, raise awareness of issues, provide assistance and conduct humanitarian activities in Palestine

Keywords: Non-governmental Organization (NGO), Paletsine, Viva Palestina Malaysia

Abstrak

Bantuan kemanusiaan telah menjadi salah satu agenda hak asasi manusia dalam dunia antarabangsa. Terdapat pelbagai organisasi antarabangsa termasuk Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam hal ini. Bagi Malaysia, NGO itu dengan baik dianggap sebagai antara kumpulan organisasi bukan kerajaan yang paling aktif dalam menyediakan bantuan kemanusiaan ke Palestin. Organisasi ini telah menggunakan platform bukan kerajaan dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin. Kajian ini memfokuskan Viva Palestina Malaysia yang merupakan salah satu NGO dari Malaysia bergiat aktif di Palestin. Ia akan mengkaji aktiviti, polisi dan sumbangan Viva Palestina Malaysia terhadap Palestin. Kajian akan menunjukkan peranan organisasi bukan kerajaan dalam memperjuangkan kebenaran, meningkatkan isu kesedaran, menyediakan bantuan dan menjalankan aktiviti kemanusiaan di Palestin

Kata Kunci: Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Palestine, Viva Palestina Malaysia

Latar Belakang

Penubuhan negara Israel mendapat pengiktirafan Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet pada tahun 1948¹. Ekoran itu, penduduk Palestin sama ada yang beragama Islam atau Kristian telah menerima tekanan dalam kehidupan. Hampir 2 juta penduduk Palestin

telah dihalau dari perkampungan bagi memberi laluan kepada penempatan Yahudi di sana². Akibatnya, rakyat Palestin terpaksa tinggal di kem-kem pelarian negara-negara Arab yang lain seperti di Jordan, Syria dan Lubnan³.

¹Gainsborough, J. R., *The Arab-Israeli Conflict: a Politico-Legal Analysis* (England: Gower Publishing Company Limited, 1986), h. 32.

² Aulia, M. L., *Dari Semenanjung Gaza Ayat-ayat Allah Berbicara* (Selangor: Farhus Enterprise, 2009), h. 42.

³ Zakaria, M. F., & Nor, M. R., *Bumi yang Dijanjikan: Konflik Israel-Palestin* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013), h. 42.



Tekanan yang terpaksa dihadapi oleh rakyat Palestin yang masih menetap di tanah Palestin adalah berbentuk sekatan sumber keperluan seperti air, makanan, perubatan dan kawalan telekomunikasi untuk berhubun⁴. Situasi tersebut menyebabkan rakyat Palestin tidak dapat menjalani kehidupan untuk bergerak bebas, bekerja, berkahwin maupun menjalani ibadah (pergerakan ke rumah ibadat terbatas).

Melihat konflik yang berlaku di Palestin dan tidak ada tindakan yang diambil oleh negara-negara besar ditambah pula apabila PNA atau lebih dikenali sebagai Palestinian National Authority (PNA) mempunyai peranan yang terbatas atau kapisiti yang lemah, maka wujudnya pelbagai Organisasi Bukan Kerajaan atau lebih dikenali sebagai Non-Governmental Organization (NGO). NGO ini telah hadir dari serantau negara dengan tujuan menjalankan pelbagai aktiviti kemanusiaan di sana. Terdapat juga sebilangan NGO yang mengadakan aktiviti kemanusiaan Palestin di negara sendiri terutamanya dalam peningkatan kesedaran mengenai isu ini.

Kajian ini telah menggunakan metodologi temubual bagi memperolehi data maklumat mengenai peranan NGO dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Palestin. Pengkaji telah memilih Viva Palestina Malaysia (VPM) untuk melihat peranan yang dimainkan dalam isu kemanusiaan Palestin. Dengan itu, hasil kajian telah menunjukkan bahawa VPM telah membantu rakyat Palestin dengan pelbagai inisiatif terutamanya membina projek-projek, menyebarkan isu kesedaran dan mengadakan program-program berkaitan isu Palestin di dalam atau luar negara dengan penglibatan banyak pihak.

⁴ Batniji, R., Rabaia, Y., Nguyen-Gillham, V., Giacaman, R., Sarraj, E., Punamaki, R.-L., et al., "Health In The Occupied Palestinian Territory", *The Lancet*, 373, 9666, h. 837-849.

NGO Sebagai Aktor

Ritzer menyatakan NGO sebagai suatu kuasa bermoral mempunyai beberapa ciri yang menjadikan aktor ini bernilai di arena global⁵. NGO adalah sebahagian dari pada organisasi antarabangsa dan di dalam keahliannya; ahli-ahli adalah individu atau kumpulan persendirian, bukan kerajaan dan dari negara-negara yang berbeza⁶ seperti Amnesty International dan Human Rights Watch⁷.

Mawlawi dalam kajiannya menerangkan NGO mempunyai ciri-ciri tertentu, khusus kepada NGO yang meningkatkan keupayaan dalam menyumbang keamanan yang lebih kekal. Penyelidikan terhadap sifat keunikan NGO yang mana kekuatannya membawa kepada proses diplomatik dan kini NGO berusaha dalam menjadi pengantaraan, bantuan kemanusiaan dan membina keamanan dengan menunjukkan pelbagai cara sehingga NGO boleh menyumbang secara berkesan terhadap penyelesaian konflik di seluruh dunia⁸.

NGO mengambil bahagian dalam politik global melalui beberapa cara: meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap isu-isu sekitar, melobi negara pembuat keputusan untuk mempengaruhi perubahan dasar-dasar dalam dan luar negara, menyelaras boikot dalam usaha untuk mengubah amalan korporat yang berbahaya, mengambil bahagian dalam rundingan antarabangsa dan membantu untuk memantau serta melaksanakan perjanjian antarabangsa⁹. Pembentukan keberkesaan

⁵ Ritzer, G., *Globalization: The Essentials* (United Kingdom: Wiley-Blackwell, 2011), h. 76

⁶ M.Snow, D., *Cases in International Relations* (New York: Longman, 2003), h. 85.

⁷ Wilkinson, P., *International Relations : a Very Short Introduction* (United Kingdom: Oxford University Press, 2007), h. 34.

⁸ Mawlawi, F., "New Conflicts, New Challenges: The Evolving Role for Non-governmental Actors", *Journal of International Affairs*, 46, 2, 1993, h. 391-413.

⁹ Betsill, M. M., & Corell, E., "NGO Influence in International Environmental Negotiations: a Framework for Analysis", *Global Environmental Politics*, 1 .4, 2011, h. 65-85.



NGO dapat mempengaruhi dunia antarabangsa sebagai aktor yang membawa kepada perubahan global¹⁰. Hal ini dapat dibuktikan dengan penglibatan NGO dalam persidangan antarabangsa sebagai peserta yang paling aktif¹¹ dengan dipengaruhi oleh iklim globalisasi dalam isu-isu global sehingga menjadikan NGO terkenal¹². Sebagai contoh, perwakilan NGO sebagai suara hak asasi manusia sejagat dapat diperkuatkan lagi dalam memberi pengaruh besar ke atas pengubalan dasar dan pembangunan di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan World Bank¹³.

NGO dan Hak Asasi Manusia dalam Bantuan Kemanusiaan

Pemerhatian ke atas hak asasi manusia adalah sebahagian dari pada pengurusan antarabangsa yang memberi tumpuan kepada kebebasan, keadilan dan kesejahteraan individu¹⁴. Menurut The Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR), hak-hak yang wujud untuk semua manusia boleh ditakrifkan sebagai hak asasi manusia, tanpa mengira bangsa, jantina, tempat tinggal, negara asal atau etnik, agama, warna kulit, bahasa atau apa-apa faktor lain¹⁵.

¹⁰ McGann, J., & Johnstone, M., "The Power Shift and the NGO Credibility Crisis", *The International Journal of Not-for-Profit Law*, 8. 2, 2005, h. 159-172.

¹¹ Paul, J. A. Global Policy: Article. Diakses 21 Disember, 2015, dari Global Policy Forum: <https://www.globalpolicy.org/component/content/article/177/31605.html>

¹² Chang, W.-W., "Expatriate Training in International Non-Governmental Organizations: a Model for Research", *Human Resource Development Review*, 4. 4, 2005, h. 440-461.

¹³ Holmen, H., & Jirstrom, M., "Second Thoughts about NGOs as Representing Civil Society", *Journal of Asian and African Studies*, 44. 4, 2009, h.429-448.

¹⁴ P.Forsythe, D., *Human Rights in International Relations* (3nd ed.). (United Kingdom: Cambridge University Press, 2012), h. 43.

¹⁵ What are Human Rights?. (t.t.). Diakses 14 Mei, 2015, dari Office The High Commissioner Human Rights:<http://www.ohchr.org/EN/Issues/Pages/What areHumanRights.aspx>

Merujuk kepada kajian L. Shimko penyalahgunaan hak asasi manusia oleh individu, kumpulan dan semua asas-asas manusia telah lama wujud dan keka; sehingga hari ini tetapi terdapat kesadaran yang semakin meningkat di peringkat global dalam menyuarakan dan membantu golongan yang tertindas. Setiap rakyat dan kerajaan kini menunjukkan kebimbangan mengenai pelanggaran hak asasi manusia. Akibatnya, muncul pelbagai aktivis dan organisasi antarabangsa yang menggalakkan dan memelihara hak asasi manusia¹⁶.

Pada mulanya, topik hak asasi manusia dilihat sebagai sebahagian dari urusan dalam negara-bangsa¹⁷. Selepas tahun 1989, apabila berlakunya sekatan politik terhadap pemeliharaan hak asasi manusia dan NGO muncul sebagai aktor untuk memperjuangkan hak asasi tersebut. Pada abad kedua puluh juga menyaksikan peningkatan yang agak besar dalam aktiviti hak asasi manusia di PBB, termasuk memantau pencabulan ke atas hak asasi manusia, pendidikan, latihan dan perkhidmatan perundingan lain. Ini adalah disebabkan oleh tekanan yang berlarutan dari NGO yang menggalakkan hak asasi manusia di arus perdana dalam perbincangan PBB¹⁸. Kini NGO komited menggalakkan prinsip-prinsip yang diperjuangkan dalam sistem antarabangsa dan berjaya membuktikan kesedaran untuk memperjuangkan hak asasi manusia¹⁹.

Kebiasaannya, NGO hak asasi manusia adalah antara aktor pertama datang bertindak

¹⁶ L.Shimko, K., *International Relation Perspective & Controversies* (United State: Wasworth Cengage Learning, 2014), h. 134

¹⁷ Mungle, S. D., "The Role of Non-Governmental Organizations (NGOs) in the Protection of Human Rights", *Asia Pacific Journal of Management & Entrepreneurship Research*, 1. 1, 2012, h.148-155.

¹⁸ Brown, C., & Ainley, K., *Understanding International Relations* (4 ed.) (New York: Palgrave Macmillan, 2009), h. 43

¹⁹ Smith, J., Pagnucco, R., & Lopez, G. A., "Globalizing Human Rights: the Work of Transnational Human Rights NGOs in the 1990s", *Human Rights Quarterly*, 20. 2, 1998, h. 379-412.



ke tempat kejadian di mana wujudnya pelanggaran besar hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan²⁰. NGO mengumpul maklumat dari pelbagai sumber: contohnya dari pada mangsa hak asasi manusia, saksi, kecederaan memeriksa dan bukti fizikal, NGO lain, akhbar dan demonstrasi. Di samping itu, NGO berusaha untuk mendapatkan perhatian orang ramai, kerajaan, dan aktor lain kepada masalah-masalah yang wujud dalam bidang hak asasi manusia dan meningkatkan kebimbangan dengan mengumpul dan menyebar maklumat mengenai isu-isu tersebut. NGO turut memainkan peranan penting dalam membawa pencabulan hak asasi manusia kepada perhatian masyarakat umum dan antarabangsa melalui siasatan, dokumentasi dan penyebaran maklumat²¹.

Jenis bantuan yang dihantar oleh NGO adalah secara meluas dalam bentuk yang berbeza seperti bantuan serta-merta atau pembangunan jangka masa panjang²². Beamon dan Balcik menjelaskan penglibatan NGO hak asasi manusia dalam dua jenis aktiviti²³:

a) Aktiviti bantuan: bantuan untuk mangsa kecemasan berskala besar. Aktiviti-aktiviti ini berbentuk jangka masa pendek dalam memberi tumpuan kepada menyediakan perkhidmatan kepada kesihatan manusia dan kelangsungan hidup.

b) Aktiviti pembangunan: bantuan jangka masa panjang, memberi tumpuan kepada sara diri dan kemampanan. Aktiviti-aktiviti ini termasuk pembinaan yang kekal, pengangkutan, makanan, penjagaan kesihatan dan perumahan.

Situasi di Palestin

Sejarah Palestin merupakan konflik peperangan yang paling lama hingga hari ini²⁴. Ia bermula apabila pengisytiharan negara Israel pada 15 Mei 1948 di mana Zionisme meluaskan kuasa politik di Tebing Barat secara kekerasan dengan memusnahkan²⁵ dan mengusir penempatan Palestin untuk menguasai kawasan kediaman rakyat Palestin pada ketika itu²⁶.

Rentetan dari peristiwa tersebut menyebabkan ramai rakyat Palestin mula keluar dari tanah yang diduduki dan menjadi pelarian di negara-negara jiran. Sehingga hari ini, masih ramai rakyat Palestin yang tinggal di kem-kem pelarian tanpa mendapat pembelaan yang sepatutnya²⁷. Data di dalam Rajah 2.1 menunjukkan jumlah pelarian rakyat Palestin yang berada di enam buah negara²⁸.

²⁰ McKay, F., *The Role of Human Rights NGOs in Relation to ICC Investigations. Human Rights First (The New Name of Lawyers Committee for Human Rights)* (New York: A Human Rights First Publication, 2004), h. 34.

²¹ Marcinkuté, L., "The Role of Human Rights NGOs: Human Rights Defenders or State Sovereignty Destroyers?", *Baltic Journal of Law & Politics*, 4. 2, 2011, h. 52-77.

²² Byman, D., Lesser, I., Pirnie, B., Benard, C., & Waxman, M., *Strengthening the Partnership: Improving Military Coordination with Relief Agencies*. RAND Project AirForce (Arlington: RAND, 2000), h. 15

²³ Beamon, B. M., & Balcik, B., "Performance Measurement in Humanitarian Relief Chains". *International Journal of Public Sector*, 21.1, 2008, h. 4-25.

²⁴ Badaruddin, M. Q., *Kerikil dari Gaza* (Kajang: Insaniah al-Qayyum, 2010), h. 45

²⁵ Beamon, B. M., & Balcik, B., "Performance Measurement in Humanitarian Relief Chains", *International Journal of Public Sector*, 21. 1, 2008, h. 4-25.


²⁶ Nurdin, H., *Membongkar Perancangan Israel Raya*. (Kuala Lumpur: Alam Raya, 2010), h. 234

²⁷ Nor, M. R., "Konflik Israel-Palestin dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis" *Jurnal al-Tamaddun*, 5, 2010, h. 73-92.

²⁸ Palestinian refugee numbers/whereabouts. (22 Jun, 2010). Diakses 18 Mei, 2015, dari IRIN: <http://www.irinnews.org/report/89571/middle-east-palestinian-refugee-numberswhereabouts>



Rajah 1. Jumlah Pelarian Rakyat Palestin ke-6 buah Negara.



Sumber: IRIN

Bagi penduduk yang berada di dalam tanah Palestin tekanan yang dihadapi dari pada Israel adalah lebih teruk. Segala pergerakan menjadi terbatas dan terhad apabila Israel mengenakan sekatan ke atas pergerakan rakyat Palestin yang menyebabkan tidak dapat melalui atau melebihi jalan garisan yang telah ditetapkan²⁹. Tembok pemisah di Tebing Barat sebagai contohnya, memberikan kemudaratuan dengan tindakan Israel meroboh rumah, rampasan tanah dan pengasingan komuniti melalui pembinaan dinding³⁰.

Disebabkan tembok pemisah tersebut, ia telah menjadi penghalang bagi rakyat Palestin keluar bekerja. Laporan The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees (UNRWA) menunjukkan bahwa pengangguran kini telah mencapai hampir 44 peratus menjadikannya salah satu daripada negara-negara yang paling tidak stabil di dunia. Pada tahun 2014, kadar pengangguran purata untuk pelarian Palestin yang berdaftar adalah

44.1 peratus dan bagi penduduk umum ia adalah pada 43.9 peratus³¹.

Sejak pendudukan Israel di Tebing Barat termasuk Timur Jerusalem dan Semenanjung Gaza pada tahun 1967, Israel telah mengenakan tekanan ketenteraan ke atas rakyat Palestin untuk mengubah semua sektor ekonomi, membawa ketidakseimbangan ekonomi dan memastikan tiada pembangunan kembali di Palestin³². Antara tindakan penindasan ekonomi yang diperlakukan oleh Israel adalah mengenakan harga cukai yang tinggi ke atas ekonomi rakyat Palestin. Di samping itu, Israel turut menghalang rakyat Palestin daripada mengakses tanah sendiri dan dilarang menggunakan sumber-sumber semula jadi yang berada di sekeliling³³. Kleiman menjelaskan objektif utama penindasan seperti ini dilakukan adalah untuk memaksa semua kelas sosial rakyat Palestin berinteraksi secara langsung dengan ekonomi Israel dan dengan itu ia dapat mewujudkan pergantungan ekonomi rakyat Palestin terhadap Israel serta bagi mengukuhkan lagi ekonomi Israel³⁴.

World Bank melaporkan bahawa lebih dari pada separuh tanah di Tebing Barat yang mempunyai pertanian yang kaya dengan sumber tidak boleh diakses oleh rakyat Palestin sehingga ekonomi Palestin mengalami kerugian semasa yang teruk kira-kira United States

²⁹ Roy, S., "Ending the Palestinian Economy", *Middle East Policy*, 9. 4, 2002, h.122-165.

³⁰ Ibhais, H., & 'Ayed, K., *The Separation Wall in the Tebing Barat*. (M. M. Sa'adah, Ed., & B. Darazi, Trans.) (Beirut: Al-Zaytouna Centre For Studies & Consultations, 2013), h. 22.

³¹ Unemployment rate for Palestine Refugees reaches 44 per cent in Gaza Strip, UN agency says. (8 Mei, 2015). Diakses 8 Mei, 2015, dari UN News Centre: <http://www.un.org/apps/news/story.asp?NewsID=50806#VVkzyPmqko>

³² United Nations, *The Palestinian Economy: Macroeconomic and Trade Policymaking under Occupation*. United Nations Conference on Trade and Development, (New York & Geneva: United Nations, 2012), h. 32.


³³ The economic costs of the Israeli occupation for the occupied Palestinian territory. Anonym, *National Economy* (Jerusalem: Palestinian Ministry of National Economy in Cooperation with the Applied Research Institute- Jerusalem (ARIJ), 2010), h. 432.

³⁴ Kleiman, E., "The Conditions of Economic Viability", *Palestine-Israel Journal*, 14. 3, 2007, h. 14-21.



Dollar (USD) \$ 3.4 bilion³⁵. Berdasarkan Rajah 2.2, berikutnya tempoh menyelamat ekonomi yang berterusan antara 2007 dan 2011 (apabila pertumbuhan melepas 8 peratus secara purata), ekonomi Palestin kelihatan semakin berada dalam paras yang tidak stabil. Melalui bantuan asing, kemelesetan bermula pada 2012 apabila pertumbuhan menurun kepada kira-kira 6 peratus disebabkan oleh penurunan yang curam. Dengan generasi pendapatan dalam negeri yang dikawal melalui cara sekatan pengaksesan, membawa kepada kejatuhan nilai ekonomi yang ketara dalam sektor awam dan swasta. Pertumbuhan terus menurun kepada 1.9 peratus pada tahun 2013 dan anggaran awal oleh Biro Pusat Statistik Palestin menunjukkan bahawa ekonomi mengalami penguncupan pada suku pertama 2014 (pada kadar -1 peratus keseluruhan di mana 0.5 peratus dalam Tebing Barat dan 4 peratus di Gaza)³⁶.

Rajah 2. Pertumbuhan Kemerosotan Ekonomi Gaza



Sumber: World Bank 2014

Laporan 2015, pihak berkuasa pendudukan Israel telah memusnahkan 478 bangunan Palestin yang mana 247 adalah kemusnahan rumah dan selebihnya lain-lain kemudahan di seluruh Tebing Barat dan Jerusalem Timur. Permusnahan rumah adalah satu dasar yang lama / baru yang digunakan

³⁵ Palestinians access to area c key to economic recovery and sustainable growth. (8 Oktober, 2013). Diakses 11 Ogos, 2015, dari : <http://www.worldbank.org/en/news/pressrelease/2013/10/07/palestinians-access-area-c-economic-recovery-sustainable-growth>

³⁶ World Bank, Economic Monitoring Report to the Ad Hoc Liaison Committee. Washington.

Israel untuk mengosongkan tanah rakyat Palestin dan menggantikannya dengan penempatan haram Israel³⁷.

Dalam tahun yang sama, Israel menahan 6,830 rakyat Palestin. Kadar penahanan tahun 2015 adalah 12.7 peratus lebih tinggi daripada tahun sebelumnya walaupun kempen penangkapan besar-besaran yang diikuti misteri kehilangan tiga penduduk Yahudi Israel pada pertengahan 2014. Kebanyakan penahanan berlaku di Tebing Barat yang mana 4,075 orang ditahan (2,353 tahanan dari Jerusalem, bakinya daripada Semenanjung Gaza) dan ditahan sama ada dalam bot nelayan di sepanjang sempadan timur wilayah atau di seberang Erez³⁸.

Keganasan Israel menjadikan wanita adalah sebagai salah satu sasaran dalam serangan pengeboman mahupun penderaan dalam bentuk fizikal³⁹. Masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita Palestin kesan daripada penjajahan Israel adalah seperti kemiskinan isi rumah, kesukaran dalam kehidupan sehari-hari (pergerakan terbatas), tidak bekerja dan gangguan seksual yang dialami⁴⁰. Selain itu, Israel mengamalkan dasar diskriminasi

³⁷ Israel destroyed 478 Palestinian facilities in 2015: Middle East Monitor. (30 Disember, 2015). Diakses 3 Januari, 2016, dari Middle East Monitor: <https://www.middleeastmonitor.com/news/middle-east/23098-israel-destroyed-478-palestinian-facilities-in-2015>.

³⁸ Israel arrested almost 7,000 Palestinians during 2015: Middle East Monitor. (29 Disember, 2015). Diakses 3 Januari, 2016, dari Middle East Monitor: <https://www.middleeastmonitor.com/news/middleeast/23090-israel-arrested-almost-7000-palestinians-during-2015>

³⁹ Ibhais, H., Itani, M., & al-Salahat, S., *The suffering of the Palestinian Woman under the Israeli Occupation*. (M. S. Sa'adah, Ed., & I. Itani, Trans.) (Beirut: Al-Zaytouna Centre for Studies & Consultations, 2010), h. 54.

⁴⁰ Moghadam, V. M., "Peacebuilding and Reconstruction with Women: Reflections on Afghanistan, Iraq and Palestine", *Society for International Development*, 48. 3, 2005, h. 1011-6370.



terhadap kanak-kanak Palestin⁴¹ dengan pelbagai bentuk tekanan fizikal atau mental sehingga menyebabkan sebilangan besar kanak-kanak Palestin mengalami penyakit trauma yang kronik⁴².

Penderitaan yang dialami rakyat Palestin telah mendapat perhatian dunia terutamanya dalam kes-kes seperti status wilayah yang diduduki Israel, pelarian Palestin, penempatan Israel, sekatan kehidupan Israel ke atas rakyat Palestin, pembahagian sumber alam dan segala pencerobohan yang dilakukan Israel. Kezaliman yang berpanjangan ini perlu diberhentikan segera dan seluruh masyarakat sewajarnya tampil berganding bahu untuk menunjukkan protes bahawa Israel adalah merupakan penganas dunia yang mencabuli hak asasi kemanusiaan.

Viva Palestina Malaysia (VPM)

Di dalam *hand book* VPM menjelaskan kesan serangan Israel ke atas Gaza pada 27 Disember 2008 telah membentuk satu gabungan dari 50 NGO yang terdiri daripada pelbagai kaum dan diberi nama sebagai COMPLETE atau nama penuhnya “gabungan NGO Malaysia terhadap pendakwaan rakyat Palestin”, pada 5 Januari 2009.

Pada bulan Oktober 2009, COMPLETE bertemu George Galloway, bekas ahli parlimen British dan pengasas Viva Palestina. Ia kemudian memutuskan COMPLETE bertukar nama kepada VPM pada Oktober 2009 sebagai platform inisiatif masyarakat awam global untuk bersatu membawa keamanan, keadilan dan penentuan sendiri bagi rakyat Palestin (Viva Palestina Malaysia, 2011).

⁴¹Thabet, A. A., Tawahina, A. A., Sarraj, E. E., & Vostanis, P., “Exposure to War Trauma and PTSD among Parents and Children in the Gaza Strip” (Gaza: Eur Child Adolesc Psychiatry, 2007), h. 1-10.

⁴²Barenbaum, J., Ruchkin, V., & Stone, M. S., “The Psychosocial Aspects of Children Exposed to War: Practice and Policy Initiatives”, *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 45. 1, 2004, h. 41-62.

Peranan VPM

Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama Shida Shahnan⁴³ (2015) menjelaskan VPM telah melantik wakil dan membuka sebuah pejabat di Gaza akhir 2014 untuk memastikan bahawa semua projek-projek dipantau. Wakil tersebut juga akan mengenal pasti keperluan rakyat di Gaza dan mencadangkan kepada VPM bentuk tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Manakala di dalam *hand book* VPM menerangkan VPM telah aktif menganjurkan aktiviti pengumpulan dana untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap krisis kemanusiaan di Palestin, memberi sokongan perubatan kepada mangsa serangan, membuka peluang pekerjaan dan mewujudkan komuniti angkat antara rakyat Malaysia dan Palestin. VPM tidak cenderung dengan mana-mana politik Palestin dan lebih memilih untuk berunding dengan pihak Palestin. Wawasan VPM adalah untuk mencari resolusi adil, saksama, cepat dan mampan tentang konflik di Palestin (Viva Palestina Malaysia, 2011).

Pertama, Jawatankuasa persahabatan. VPM mempunyai jawatankuasa persahabatan Malaysia/Palestin yang ditubuhkan untuk membentuk hubungan persahabatan antara Malaysia-Palestin sama ada di peringkat individu dan organisasi.

Kedua, Jawatankuasa projek Gaza. Selaras dengan objektif VPM, jawatankuasa projek Gaza bertanggungjawab mengenal pasti, melibatkan diri dalam projek-projek di Gaza dan akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat Palestin yang mana peluang tersebut adalah membawa manfaat jangka masa panjang. Pengangguran adalah salah satu cabaran terbesar di Gaza, VPM membawa tanggungjawab yang besar dalam bekerja rapat dengan badan bukan kerajaan di Gaza dan tugas-tugas termasuk mengkaji setiap projek.

⁴³ Temubual bersama Shida Shahnan, Ahli Jawatankuasa VPM, Bangsar, 6 Mei 2015.



Ketiga, Jawatankuasa boikot, penjualan dan sekatkan. Fungsi utama jawatankuasa ini dalam VPM untuk membuat penyelidikan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia yang memberi sokongan dan membiayai Israel. Di samping menyedarkan masyarakat Malaysia tentang syarikat-syarikat terbabit dan menggalakkan untuk mengambil bahagian dalam tindakan kempen ini.

Ketiga, Media dan publisiti. Peranan jawatankuasa ini adalah membina jambatan perhubungan dengan pelbagai media untuk memberi hebahan mengenai aktiviti-aktiviti yang digerakkan oleh VPM sama ada di peringkat lokal atau antarabangsa. Selain itu, skop jawatankuasa ini adalah menyelaras slot di televisyen, radio dan media cetak serta bertanggungjawab untuk sidang kenyataan media.

Keempat, Jawatankuasa kesedaran. Jawatankuasa berusaha memberi jalan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia mengenai aspek sejarah dan isu-isu terkini Palestin dengan menggunakan strategi edaran risalah, poster dan televisyen, radio dan akhbar.

- a) Mengadakan ceramah di pelbagai lokasi seperti sekolah, universiti, pejabat dan tempat ibadat.
- b) Mengundang pakar-pakar tempatan dan antarabangsa untuk memberi pendedahan tentang isu-isu Palestin.

Projek

Hasil temubual bersama Musa Mohd Nordin ⁴⁴ (2015) mendapati VPM telah mempunyai projek-projek seperti perubatan, pendidikan, kewangan-mikro dan 7 projek wanita termasuk gedung jahitan, industri makanan, program celik teknologi dan komputer, perpustakaan, program tutorial, teknik fotografi dan persolekan. Selain itu, Shida Shahnan (2015) menyatakan VPM turut memperuntukan bantuan asas secara khusus

terutamanya setiap selepas perlakunya perang sebagai contoh, memberi makanan bermasak segar kepada keluarga dibawah naungan PBB, membaiki beberapa rumah yang mengalami kerosakan akibat perang dan menyediakan bekalan air bersih di beberapa area Gaza.

Pertama, Projek kembali ke sekolah. VPM membantu kanak-kanak miskin kembali ke sekolah dengan memberi peruntukan alat tulis, komputer riba, pakaian seragam dan kasut sekolah. Pada 6 September 2013, VPM telah menghantar sebanyak USD 13,500 untuk membiayai 300 beg sekolah yang lengkap dengan alat-alat tulis, buku nota, kasut dan pakaian seragam.

Kedua, Pek makanan. Projek pek makanan yang diagihkan oleh VPM pada bulan Ramadan adalah merupakan projek tahunan. Ramadan 2013, VPM telah mengeluarkan sebanyak USD 75,000.00 untuk membiayai 1,500 pek makanan. VPM telah mengagihkan pek makanan kepada pelbagai badan amal Gaza seperti:

- a) *IS of Khan Younis*
- b) *Al Mujama Al Islami*
- c) *IS of Gaza*
- d) *Multaka Rabma*
- e) *Salam Society*
- f) *Palestinian Welfare House*
- g) *Islamic Society Jabaliya*

Ketiga, Pembaikan sekolah. Objektif projek pembaikan sekolah adalah ke arah mewujudkan suasana yang harmoni di 11 sekolah kawasan Jabaliya sama ada peringkat rendah atau menengah. Antara projek yang dibangunkan:

- a) Pembinaan makmal sains, makmal komputer dan perpustakaan.
- b) Pemulihan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah, bilik darjah dan ko-kurikulum serta kemudahannya.

⁴⁴ Temubual bersama Musa Mohd Nordin, Pengerusi, melalui e-mail, 8 Oktober 2015.



- c) Penyediaan perabot sekolah dan lain-lain kemudahan persekolahan yang berkaitan.
- d) Peluang pekerjaan
- e) Membantu institusi pendidikan untuk mengurangkan isu-isu kewangan dan logistik.

Keempat, Bantuan musim sejuk. Menerusi kerjasama *Islamic Society*, VPM telah di Bethalia telah memilih 20 buah keluarga yang terjejas akibat banjir ketika musim sejuk. Projek yang dijalankan kepada mangsa banjir adalah seperti membaiki dinding rumah, pintu, kerosakan lantai serta penyelenggaraan peralatan elektrik.

Kelima, Kem menghafal al-Quran. Kem musim panas yang dianjurkan oleh *Dar Al Sunnah Wal Quran (DQWS)* di Gaza adalah mengajar kanak-kanak buta menghafal al-Quran. Harapan adalah untuk menguatkan hati dan minda kanak-kanak ini dalam membantu menghadapi dengan kecacatan dan kesusahan yang dialami. Kem ini telah dijalankan sejak tiga tahun lalu dan tahun 2014 adalah merupakan tahun berjaya bagi VPM dalam menaja lebih ramai pelajar.

Selain dari projek-projek berbentuk jangka masa panjang, pengkaji juga telah mendapati VPM mempunyai projek-projek yang dilaksanakan secara *ad hoc* seperti di Jadual 4.3. Manakala di dalam Rajah 4.5 juga menunjukkan sumbangan yang telah diterima oleh VPM dari tahun 2013 sehingga April 2015.


Rajah 3. Proyek Penerima Hibah

Nama Projek	Jumlah Penerima
-------------	-----------------

Pek makanan Ramadan	1,250 keluarga miskin
Makanan panas nasi dan ayam untuk berbuka puasa Ramadan	1,500 seorang
200 tilam, 300 bantal dan 250 selimut	200 keluarga kehilangan tempat tinggal
Pek makanan	200 keluarga kehilangan tempat tinggal

Susu tin bayi	100 bayi
Air minuman	1,800 seorang
Keperluan barang bayi	1,000 bayi
Air minuman	6,000 keluarga untuk 5 hari
Pek makanan	300 keluarga kehilangan tempat tinggal
Makanan panas nasi dan ayam untuk berbuka puasa	900 orang yang terjejas
240 tilam, 240 bantal dan 240 selimut	2,000 keluarga yang terjejas
Bungkus roti	2,000 keluarga terjejas oleh pencerobohan
Rumah sewa pangaspuri	40 keluarga kehilangan tempat tinggal
200 pek makanan	75 keluarga kehilangan tempat tinggal
Air minuman	2,000 seorang
Bekalan perubatan	Hospitals di Gaza
Ambulans : VPM (4) dan <i>Kia Ora Gaza</i> (1)	Hospitals di Gaza
Pek makanan atau Tilam	Keluarga kehilangan tempat tinggal di Timur Khuza'a
Bantuan kecemasan	Dalam perlaksanaan
Penyelenggaraan perkhidmatan asas (dikongsi antara Aqsa Syarif dan VPM)	Penduduk di Jabaliya
Membaiki lif selepas di bom	Pelajar kurang upaya yang memerlukan lif

Rajah 4. Jumlah Sumbangan VPM dari Tahun 2013-April 2015





Sumber: Viva Palestina Malaysia

Pengkaji mendapati kebanyakan projek yang dilaksanakan oleh VPM adalah hampir sama dengan projek-projek Aqsa Syarif. Namun begitu, pengkaji melihat projek-projek VPM tidak terbatas di dalam kawasan Gaza sahaja, tetapi juga di daerah luar Gaza seperti Khan Younis dan Rafah. Di samping itu, VPM juga mempunyai banyak kerjasama dengan NGO antarabangsa sama ada NGO dari Palestin atau negara-negara luar dalam membangunkan projek-projek di Palestin.

Aktiviti-aktiviti

Pengkaji telah memperolehi maklumat aktiviti-aktiviti VPM melalui laman sesawangnya. Namun begitu, disebabkan VPM mempunyai aktiviti yang banyak, pengkaji telah memilih aktiviti-aktiviti tersebut dari tahun 2013 sehingga 2015.

Pertamanya, *Kuala Lumpur Palestine Film Festival* (KLPFF) merupakan acara tahunan VPM yang bermula pada tahun 2012 sehingga kini. VPM merasakan gembira dengan sambutan dan minat orang bukan Islam yang bersama-sama di dalam program tersebut kerana objektif utama VPM adalah sentiasa menyebarkan kesedaran untuk menyerlahkan hakikat bahawa isu Palestin adalah isu kemanusiaan dan bukan agama. KLPFF ketiga diadakan pada 6 hingga 7 September 2014 dan yang terkini telah diadakan di Publika, Solaris Dutamas Jalan Dutamas, Kuala Lumpur pada 10 hingga 11 Oktober 2015⁴⁵.

Seterusnya, program Futsal Amal Lelaki Subang Jaya anjuran Futsal Amal Tahunan dan Bazaar 2013 telah diadakan pada 26 January 2013 di Sports Planet Grand, Subang Jaya. Memandangkan serangan ke atas Gaza berlaku sebelum itu, peserta futsal sebulat suara

⁴⁵Pre Policy for KLPFF 2014: Viva Palestina Malaysia. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/111-pre-publicity-for-klpff2014>

bersetuju untuk mendermakan semua hasil kutipan dari program kepada VPM. Harry Fear yang merupakan wartawan bebas British dan sering terlibat dalam jelajah dunia untuk menyebarkan kesedaran tentang situasi di Palestin telah tampil hadir mengejut ke aktiviti ini. Sementara itu, program futsal berjaya mendapat liputan dari NTV7⁴⁶.

Husna Musa dan Jes Ibrahim merupakan sukarelawan VPM yang pernah mengunjungi Gaza pada tahun 2012 telah berkongsi pengalaman mereka pada 2 Feb 2013 di bulatan terbuka *Young Muslim Project*⁴⁷. Pada bulan Januari dan Februari 2013 Harry Fear telah berada di Kuala Lumpur untuk menyampaikan penerangan mengenai konflik Palestin sebagai sebahagian daripada jelajah dunia beliau. Lawatan beliau ke Malaysia telah dianjurkan oleh VPM. Berikut adalah siri jelajah penglibatan Harry Fear⁴⁸:

- a) 27 Jan 2013, Sekolah Sains Alam Shah, Putrajaya.
- b) 28 Jan 2013, Kelab Golf Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.
- c) 29 Jan 2013, University Selangor (UNISEL), Selangor.
- d) TV Al-Hijrah and Radio Ikim, Astro Awani, NTV7 and Business Station Radio (BFM).
- e) 30 Jan 2013, Khazanah Berhad.
- f) 1 Feb 2013, Melaka.

Miko Peled seorang penulis dan aktivis Israel telah datang ke Kuala Lumpur dan Pulau

⁴⁶ Fundraising futsal event at Sports Planet Grand Subang Jaya: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/5-fundraising-futsal-event-at-sports-planet-grand-subang-jaya>

⁴⁷ Gaza up close and personal: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/60-gaza-up-close-and-personal>

⁴⁸Harry Fears speaking tour. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/59-harry-fear-speaking-tour>



Pinang pada Jun 2013 untuk memberi ceramah terkini mengenai Palestin dan beliau turut berkongsi perjalanan peribadinya dalam membongkar politik di Palestin⁴⁹. Pada 13 November 2013 dengan kerjasama Nurqilan Qaseh, VPM telah mengadakan Malam Amal Sejuta Nurqilan di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya. Majlis dihadiri Mahathir Mohamad bersama artis jemputan Adibah Noor, Afdlin Shauki dan Hattan. Malam Amal turut dijayakan oleh Kelab Yayasan Keamanan Sedunia Perdana⁵⁰. Selain itu, VPM turut mengadakan *Freedom Film Fest* yang merupakan festival filem untuk isu-isu hak asasi manusia. Dokumentari Jenin adalah filem perdana yang dipilih dan ditontonkan bersempena *Freedom Film Fest* di Cathay Cineplex, The Curve pada 14 Disember 2013⁵¹.

Pada 3 Januari 2014, imam masjid al-Aqsa, Palestin telah memberi ceramah mengenai ancaman semasa untuk memusnahkan al-Aqsa dan berkongsi pendapat mengenai usaha-usaha masyarakat untuk menyelamatkan al-Aqsa dari kemasuhan Israel. Program ini adalah kerjasama antara VPM dan Masjid Wilayah⁵². Pelancaran *Gaza Writes Back* edisi Bahasa Melayu telah diadakan pada 24 April hingga 4 Mei 2014 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014 dan Norma Hashim telah dijemput untuk

⁴⁹Miko Peled in KL and Penang: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/74-miko-peled-in-kl-and-penang>

⁵⁰Malam amal sejuta nurqilan: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/84-malam-amal-sejuta-nurqilan>

⁵¹ Freedom Film Fest. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/86-freedom-film-fest>

⁵²al-Aqsa in danger. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/90-al-aqsa-in-danger>

memberi ucapan di pelancaran Saba Islamic Media⁵³.

Menerusi kerjasama Aqsa Syarif, VPM telah mengadakan perhimpunan aman pada hari Sabtu 2 Ogos 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Perhimpunan tersebut bertema menyelamatkan kanak-kanak Gaza dan mendapat sambutan baik dari rakyat Malaysia. Perhimpunan diadakan bertujuan menunjukkan solidariti rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin mengenai serangan 51 hari Israel ke atas Palestin⁵⁴. *Remember Us* adalah himpunan cerita, kisah dan puisi oleh penulis muda Palestin yang disunting oleh ahli-ahli VPM, Husna dan Zabrina. Buku ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Marina Mahathir pada 6 September 2014 sempena KLPFF 2014 di Publika, Kuala Lumpur⁵⁵.

Selain itu, NGO *The Help* dan Pertubuhan Prihatin Sekolah Menengah Islam Antarabangsa dengan hasil usaha sama VPM telah menganjurkan badan amal untuk mengutip sumbangan membina semula Gaza. Pengarah projek tersebut iaitu Syed Adam Emir Putra telah memberi ucapan ketika majlis berlangsung⁵⁶. VPM telah mengadakan mesyuarat agung tahunan pada 3 Disember 2014. Pengurus VPM, Musa Mohd Nordin membentangkan senarai aktiviti-aktiviti dan acara kemuncak tahun lalu manakala bendahari VPM, Norma Hashim menjelaskan dana projek-projek yang dijalankan dan

⁵³Launch of Gaza writes back bahasa edition. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/96-launch-of-gaza-writes-back-bahasa-edition>

⁵⁴ Peaceful Rally. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/103-peaceful-rally>

⁵⁵ Remember us book launch. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/112-remember-us-book-launch>

⁵⁶ Rebuilding Gaza Project IISS. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/119-rebuiding-gaza-project-iiiss>



dikeluarkan⁵⁷. Terakhirnya, pengkaji mendapati VPM menganjurkan *Kuala Lumpur International Hijab Fair Charity Auction* pada hari Ahad 31 Mei 2015 di PWTC Kuala Lumpur. Antara artis yang terlibat ialah Altimet, Mizz Nina, Mona Din, Fara Fauzana, Dayah Bakar dan Rozita Che Wan⁵⁸.

Berdasarkan perbincangan aktiviti-aktiviti VPM di atas, pengkaji mendapati VPM mempunyai kelainan bentuk aktiviti. Pengkaji melihat kebanyakan aktiviti-aktiviti yang digerakkan oleh VPM adalah berbentuk bebas, tidak terikat dan santai yang mana semua lapisan masyarakat boleh terlibat dengan aktiviti tersebut. Aktiviti-aktiviti VPM lebih terbuka untuk golongan bukan Islam menyertai bersamanya kerana usaha murni VPM yang tidak menampakkan isu Palestin sebagai isu keagamaan tetapi cuba merentasi agama dan bangsa khususnya di Malaysia.

VPM di Peringkat Antarabangsa

Bagi memperolehi maklumat mengenai hubungan dan prestasi VPM di peringkat antarabangsa, pengkaji telah menemubual Pengerusi dan Bendahari VPM. Selain itu, pengkaji juga turut mendapatkan maklumat-maklumat lain dalam skop peringkat antarabangsa menerusi laman sesawang VPM.

Berdasarkan temubual yang didapati daripada Musa Mohd Nordin (2015), VPM mempunyai hubungan yang baik dengan organisasi antarabangsa kerana ianya merupakan salah satu aspek yang penting untuk membuka jalan keseluruhan bersepadan dan berkesan dalam menangani isu Palestin di peringkat antarabangsa. VPM adalah salah satu

daripada 16 rangkaian Viva Palestina di seluruh dunia. Manakala menurut Norma Hashim⁵⁹ (2015), kesemua projek-projek VPM di Gaza adalah hasil kerjasama dengan NGO tempatan di sana. Hal ini kerana, pihak NGO di Gaza lebih arif mengenai keperluan-keperluan rakyat Palestin dan mudah dalam mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan. Pada masa ini, VPM mempunyai projek bersama MERCY Malaysia dan *Doktor Worldwide Turki* di bawah projek pemulihan fizikal orang kurang upaya berikutan serangan Israel pada bulan Ramadan 2014. Beliau turut menyatakan antara kerjasama VPM dengan NGO antarabangsa yang lain adalah *Kia Ora Gaza* berpengkalan di New Zealand.

VPM telah mengadakan sesi perbincangan bersama Khaled Meshaal yang merupakan pemimpin politik Palestin dan Pengurus biro politik Hamas pada 2 Disember 2013 di Kuala Lumpur⁶⁰. Pada 30 Oktober 2014, Musa Mohd Nordin mewakili VPM bersama wakil-wakil lebih 60 badan kebajikan dari 27 negara di Doha, Qatar. Pertemuan tersebut bertujuan untuk mengumpul dana pembangunan semula semenanjung Gaza dan lain-lain bantuan untuk rakyat Palestin. Pengkaji mendapati perwakilan di *First Humanitarian Forum to Support Palestinians* yang dianjurkan oleh badan kebajikan Qatar mengambil masa dua hari membincangkan bencana yang dihadapi oleh rakyat Palestin, bukan sahaja di Semenanjung Gaza yang dikepung tetapi juga di kawasan kem-kem pelarian Palestin negara-negara jiran. Forum tersebut diadakan di bawah naungan Perdana Menteri Qatar, Shaikh Abdullah bin Nasser bin Khalifa al-Thani⁶¹

⁵⁷ VPM AGM 2014. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/124-vpm-agm-2014>

⁵⁸ Kuala Lumpur international hijab fair charity auction. (2015). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events-calendar/eventdetail/23/-/kuala-lumpur-international-hijab-fair-charity-auction>

⁵⁹ Temubual bersama Norma Hashim, Bendahari, melalui telefon, 7 Juli 2015.

⁶⁰ With Khaled Meshaal. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/85-with-khaled-meshaal>.

⁶¹ First humanitarian forum to support Palestinians. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari



Selain itu, pengkaji memperolehi maklumat mengenai Norma Hashim telah menyampaikan buku *The Prisoners Diaries* yang disunting oleh beliau sendiri kepada Duta Palestin baru di Malaysia, Anwar Al Agha. Bersama-sama program tersebut adalah Yousef aljamal yang membantu meletakkan bersama-sama versi Arab *The Diaries* dan Refaat Alareer Banduan, editor *Gaza Writes Back*⁶².

Buat kali pertama persidangan antarabangsa mengenai BDS telah diadakan di Malaysia yang berlangsung di Universiti Malaya (UM) pada 12 September 2015. Persidangan tersebut adalah merupakan anjuran UM bersama VPM, Aqsa Syarif dan MyCare. Pengkaji telah mengikuti persidangan ini dan mendapati kempen BDS merupakan pergerakan global yang merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Australia, New Zealand, Asia, Afrika dan Timur Tengah. Persidangan dihadiri oleh penceramah antarabangsa iaitu Hasan Ali Abunimah⁶³, Anna Baltzer⁶⁴ dan Samah Sabawi⁶⁵. Perbincangan utama dalam

Viva Palestina Malaysia:
<http://vpm.org.my/events/events/122-first-humanitarian-forum-to-support-palestinians>

⁶² A visit to the Palestinian Embassy: Viva Palestina Malaysia. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia
<http://vpm.org.my/events/events/98-a-visit-to-the-palestinian-embassy>

⁶³ Wartawan Amerika, Palestin yang digambarkan sebagai "penyokong Amerika yang terkemuka bagi penyelesaian konflik Israel-Palestina dan pengasas bersama web anti-Israel iaitu *Electronic Intifada*. Abunimah adalah pengarang buku "One Country: A Bold Proposal to End the Israeli-Palestinian Conflict". Rujuk <http://ukmediawatch.org/in-their-own-words/ali-abunimah/>

⁶⁴ Penceramah bebas Yahudi-Amerika, penulis dan sukarelawan *International Women's Peace Service* di Tebing Barat. Baltzer adalah pengasas Jawatankuasa *St. Louis Palestine Solidarity*. sejak tahun 2010, beliau telah bekerja sebagai penyusun nasional bersama US Campaign to End the Israeli Occupation. Rujuk <http://www.annainthemiddleeast.com/aboutanna.html>.

⁶⁵ Samah Sabawi adalah pengulas politik, pengarang dan pengarang drama. Beliau adalah Penasihat Dasar kepada Al-Shabaka: Rangkaian Polisi Palestin dan Ahli Lembaga Pengarah bagi Majlis Kebangsaan Perhubungan Arab-Kanada (NCCAR). Sabawi telah menghasilkan buku karyanya; *Cries from the Land* (Kanada 2003), *Three Wishes* (Kanada 2008)

persidangan tersebut adalah mengenai produk-produk keluaran Israel dan apakah inisiatif yang boleh diambil oleh masyarakat dalam meneruskan usaha boikot⁶⁶

Pada 3 Oktober 2015 di Pusat Komuniti Bukit Bandar, Kuala Lumpur, VPM menerusi kerjasama MyCare, *BANDS4GOOD*, *Profesional Muslim Forum*, Perubatan Persatuan Islam Malaysia dan Majlis Belia Malaysia Gereja Malaysia 24-7 telah menganjurkan satu ceramah khas dari Mads Gilbert. Beliau merupakan seorang doktor dari Norway dan aktif dalam penglibatan pelbagai sukarelawan kemanusiaan. Pengkaji telah bersama-sama di dalam perkongsian ini dan mendapati objektif program telah membawa Mads Gilbert ke Malaysia untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang sukarelawan di Gaza. Antara perkongsian yang menarik dewan ketika itu adalah cabaran yang dihadapi oleh Mads Gilbert ketika bertugas sewaktu Gaza diserang teruk pada tahun 2014⁶⁷.

Pencapaian

Menerusi temubualnya bersama Azra Banu⁶⁸ mendapati pencapaian yang diterima oleh VPM agak terbatas. Menurut beliau, VPM tidak memperolehi banyak pengiktirafan atau pencapaian daripada mana-mana pihak sama ada di peringkat dalam negara atau antarabangsa. Namun begitu, antara yang pencapaian yang diterima oleh VPM adalah seperti Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi sumbangan melalui VPM untuk projek pemulihan sekolah-sekolah di Gaza dan

dan *Tales of a City by the Sea* (Palestine & Australia 2014). Rujuk <https://al-shabaka.org/profiles/samah-sabawi/>

⁶⁶ International conference on boycott, divestment & sanctions (BDS) for justice: Viva Palestina Malaysia. (2015). Diakses 4 November, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/170-international-conference-on-%E2%80%9Cboycott,-divestment-sanctions-bds-for-justice%E2%80%9D>

⁶⁷ Dr Mads Gilbert: Viva Palestina Malaysia. (2015). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/bds/174-dr-mads-gilbert>

⁶⁸ Temubual bersama Azra Banu, Setiausaha, Bangsar, 18 September 2015.



ia merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada VPM oleh Kerajaan Malaysia. Di peringkat antarabangsa, VPM telah menerima pengiktirafan daripada kerajaan Gaza sebagai tanda penghargaan dalam penglibatan sumbangan yang didedikasikan kepada Palestin.

Menurut Azra Banu, Pengurus VPM, Musa Mohd Nordin dikenali di peringkat antarabangsa disebabkan penglibatan beliau dalam memperjuangkan isu Palestin. Selain itu, Norma Hashim telah menerbitkan satu buku yang berjudul *Prisioner's Diary* dan mendapat satu pengiktirafan kerana bukunya terkenal dalam kalangan sukarelawan di Palestin.

Kesimpulan

Penderitaan yang panjang masyarakat Palestin di bawah kekejaman sekatan Israel telah membawa perhatian dunia kepada rakyat Palestin. Banyak NGO antarabangsa dan termasuk Malaysia telah tampil ke hadapan untuk memberi bantuan dan mengurangkan penderitaan rakyat Palestin. Walaupun mengalami risiko yang tinggi dan sekatan oleh Israel ke arah usaha-usaha ini, NGO masih berjaya (dalam beberapa hal) memberi bantuan kepada penduduk Gaza.

Bagi VPM, sebagai sebuah NGO kemanusiaan, VPM berpendapat isu Palestin perlu diluaskan merentasi sempadan agama, bangsa dan negara. Oleh kerana itu, gerak kerja dan penumpuan pasukan VPM lebih kelihatan fleksible apabila program-program yang dijalankan melibatkan golongan bukan Islam. Selain itu, dalam terus memperkasakan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, VPM telah mewujudkan pelbagai jenis projek sama ada di Malaysia atau di tanah Palestin sendiri bagi memperolehi hasil sumbangan untuk disalurkan kepada rakyat di sana. Hal ini juga dapat membantu rakyat Palestin menjana ekonomi sendiri disamping mempertingkatkan kemahiran kendiri dengan bekerja melalui projek-projek tersebut. Disamping itu, VPM

juga mempunyai hubungan yang baik dengan NGO-NGO antarabangsa dan dalam negara dalam hasil usaha sama mempertingkatkan bantuan kemanusiaan ke Palestin. Pencapaian-pencapaian yang diterima oleh VPM juga telah melambangkan keseriusan untuk terus komited dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bantuan kepada Palestin.

Bagi umat Islam, mempertahankan kota suci Baitulmaqdis adalah menjadi tanggungjawab bersama sebagai saudara seIslam dan ianya sendiri dituntut dalam Islam. Justeru, tidak hairan mengapa terdapat pelbagai NGO bukan sahaja dari antarabangsa tetapi juga Malaysia sendiri menjadi pendokong yang kuat untuk pembelaan Palestin.

Daftar Pustaka

Buku Teks

- Aulia, M. L., *Dari Semenanjung Gaza Ayat-ayat Allah Berbicara* (Selangor: Farhus Enterprise, 2009).
- Badaruddin, M. Q., *Kerikil dari Gaza* (Kajang: Insaniah al-Qayyum, 2010).
- Brown, C., & Ainley, K., *Understanding International Relations* (4 ed.). (New York: Palgrave Macmillan, 2009)
- Byman, D., Lesser, I., Pirnie, B., Benard, C., & Waxman, M., *Strengthening the Partnership : Improving Military Coordination with Relief Agencies. RAND Project Air Force.* (Arlington: RAND, 2000).
- Gainsborough, J. R., *The Arab-Israeli Conflict: a Politico-legal Analysis.* (England: Gower Publishing Company Limited, 1986)
- Ibhais, H., & 'Ayed, K., *The separation wall in the Tebing Barat.* (M. M. Sa'adah, Ed., & B. Darazi, Trans.) (Beirut: Al-Zaytouna Centre For Studies & Consultations, 2013).
- Ibhais, H., Itani, M., & al-Salahat, S., *The Suffering of the Palestinian Woman under the Israeli Occupation.* (M. S. Sa'adah, Ed., & I. Itani, Trans.) (Beirut: Al-Zaytouna



- Centre for Studies & Consultations, 2010).
- L.Shimko, K., *International Relation Perspective & Controversies*. (United State: Wasworth Cengage Learning, 2010).
- McKay, F., *The Role of Human Rights NGOs in Relation to ICC Investigations. Human Rights First (the New Name of Lawyers Committee for Human Rights)* (New York: A Human Rights First Publication, 2004).
- M.Snow, D., *Cases in International Relations* (New York: Longman, 2003).
- Nurdi, H., *Membongkar Perancangan Israel Raya* (Kuala Lumpur: Alam Raya, 2010).
- P.Forsythe, D., *Human Rights in International Relations* (3nd ed.). United Kingdom: (Cambridge University Press, 2012).
- Ritzer, G., *Globalization: The essentials*. United Kingdom: Wiley-Blackwell, 2011).
- Wilkinson, P., *International Relations : a Very Short Introduction*. (United Kingdom: Oxford University Press, 2007).
- Zakaria, M. F., & Nor, M. R., *Bumi yang Dijanjikan: Konflik Israel-Palestin* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013).
- ### Jurnal
- Barenbaum, J., Ruchkin, V., & Stone, M. S., "The Psychosocial Aspects of Children Exposed to War: Practice and Policy Initiatives" *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 45. 1, 2004.
- Batniji, R., Rabaia, Y., Nguyen-Gillham, V., Giacaman, R., Sarraj, E., Punamaki, R.-L., et al., Health In The Occupied Palestinian Territory. *The Lancet*, 373. 9666, 2012.
- Beamon, B. M., & Balcik, B., "Performance Measurement in Humanitarian Relief Chains", *International Journal of Public Sector*, 21. 1, 2008.
- Betsill, M. M., & Corell, E., "NGO Influence in International Environmental Negotiations: a Framework for Analysis". *Global Environmental Politics*, 1. 4, 2001.
- Chang, W.-W., "Expatriate Training in International Non-Governmental Organizations: a Model for Research", *Human Resource Development Review*, 4.4, 2005.
- Holmen, H., & Jirstrom, M., "Second Thoughts about NGOs as Representing Civil Society", *Journal of Asian and African Studies*, 44. 4, 2009.
- Kleiman, E., "The Conditions of Economic Viability", *Palestine-Israel Journal*, 14. 3, 2007.
- Marcinkuté, L., "The role of Human Rights NGOs: Human Rights Defenders or State Sovereignty Destroyers?", *Baltic Journal of Law & Politics*, 4. 2, 2011.
- Mawlawi, F., "New Conflicts, New Challenges: The Evolving Role for Non-governmental Actors", *Journal of International Affairs*, 46. 2, 1993.
- McGann, J., & Johnstone, M., "The Power Shift and the NGO Credibility Crisis", *The International Journal of Not-for-Profit Law*, 8. 2, 2005.
- Moghadam, V. M., "Peacebuilding and Reconstruction with Women: Reflections on Afghanistan, Iraq and Palestine", *Society for International Development*, 48. 3, 2005.
- Mungle, S. D., "The Role of Non-Governmental Organizations (NGOs) in the Protection of Human Rights", *Asia Pacific Journal of Management & Entrepreneurship Research*, 1. 1, 2012.
- Nor, M. R., "Konflik Israel-Palestin dari Aspek Sejarah Modern dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis", *Jurnal al-Tamaddun*, 5, 2010.
- Rahman, T. A., Rashid, Z. M., Yusof, W. S., & Amir, A. N., "Konflik Islam dan Israel di Palestin: Tentangan, isu dan Penyelesaiannya dalam Karya al-Faruqi" *International Journal of Islamic And Civilizational Studies*, 2. 2, 2015.
- Roy, S., "Ending the Palestinian Economy", *Middle East Policy*, 9. 4, 2002.



Smith, J., Pagnucco, R., & Lopez, G. A., "Globalizing Human Rights: the Work of Transnational Human Rights NGOs in the 1990s", *Human Rights Quarterly*, 20. 2, 1998.

Thabet, A. A., Tawahina, A. A., Sarraj, E. E., & Vostanis, P., "Exposure to War Trauma and PTSD among Parents and Children in the Gaza Strip", *Eur Child Adolesc Psychiatry*, 2007.

Makalah Ilmiah dan Artikel

Profil Viva Palestina Malaysia, Kuala Lumpur.

The economic costs of the Israeli occupation for the occupied Palestinian territory. National economy. (2011). Jerusalem: Palestinian Ministry of National Economy in cooperation with the Applied Research Institute- Jerusalem (ARIJ).

United Nations., The Palestinian economy: macroeconomic and trade policymaking under occupation. United Nations conference on trade and development. (New York & Geneva: United Nations, 2012) .

World Bank. (2014). Economic monitoring report to the ad hoc liaison committee. Washington.

Referensi Online dan Wawancara

A visit to the Palestinian Embassy: Viva Palestina Malaysia. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/98-a-visit-to-the-palestinian-embassy>

al-Aqsa in danger. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/90-al-aqsa-in-danger>

Azra Banu (Personal Komunikasi, Setiausaha VPM, Bangsar, 18 September 2015).

Dr Mads Gilbert: Viva Palestina Malaysia. (2015). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia:

<http://vpm.org.my/bds/174-dr-mads-gilbert>

First humanitarian forum to support Palestinians. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/122-first-humanitarian-forum-to-support-palestinians>

Freedom Film Fest. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/86-freedom-film-fest>

Fundraising futsal event at Sports Planet Grand Subang Jaya: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/58-fundraising-futsal-event-at-sports-planet-grand,-subang-jaya>

Gaza up close and personal: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/60-gaza-up-close-and-personal>

Harry Fears speaking tour. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/59-harry-fear-s-speaking-tour>

International conference on boycott, divestment & sanctions (BDS) for justice: Viva Palestina Malaysia. (2015). Diakses 4 November, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/170-international-conference-on-%E2%80%9Cboycott,-divestment-sanctions-bds-for-justice%E2%80%9D>

Israel arrested almost 7,000 Palestinians during 2015: Middle East Monitor. (29 Disember, 2015). Diakses 3 Januari, 2016, dari Middle East Monitor: <https://www.middleeastmonitor.com/news/middle-east/23090-israel-arrested-almost-7000-palestinians-during-2015>



Israel destroyed 478 Palestinian facilities in 2015: Middle East Monitor. (30 Disember, 2015). Diakses 3 Januari, 2016, dari Middle East Monitor: <https://www.middleeastmonitor.com/news/middle-east/23098-israel-destroyed-478-palestinian-facilities-in-2015>

Kuala Lumpur international hijab fair charity auction. (2015). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events-calendar/eventdetail/23/-/kuala-lumpur-international-hijab-fair-charity-auction>

Launch of Gaza writes back bahasa edition. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/96-launch-of-gaza-writes-back-bahasa-edition>

Malam amal sejuta nurqilan: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/84-malam-amal-sejuta-nurqilan>

Miko Peled in KL and Penang: Viva Palestina Malaysia. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/74-miko-peled-in-kl-and-penang>

Musa Mohd Nordin (Personal komunikasi, Pengerusi VPM, melalui e-mail, 8 Oktober 2015).

Norma Hashim (Personal komunikasi, Bendahari VPM, melalui telefon, 7 Julai 2015).

Palestinian refugee numbers/whereabouts. (22 Jun, 2010). Diakses 18 Mei, 2015, dari IRIN: <http://www.irinnews.org/report/89571/middle-east-palestinian-refugee-numberswhereabouts>

Palestinians access to area c key to economic recovery and sustainable growth. (8 Oktober, 2013). Diakses 11 Ogos, 2015, dari : <http://www.worldbank.org/en/news/p>

ress-release/2013/10/07/palestinians-access-area-c-economic-recovery-sustainable-growth

Paul, J. A. (June, 1996). Global policy: article. Diakses 21 Disember, 2015, dari Global Policy Forum: <https://www.globalpolicy.org/component/content/article/177/31605.html>

Peaceful Rally. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/103-peaceful-rally>

Pre publicity for KLPFF 2014: Viva Palestina Malaysia. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/111-pre-publicity-for-klpff2014>

Rebuilding Gaza Project IISS. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/119-rebuiding-gaza-project-iiiss>

Remember us book launch. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/112-remember-us-book-launch>

Shida Shahnan (Personal komunikasi, Ahli Jawatankuasa VPM, Bangsar, 6 Mei 2015).

Unemployment rate for Palestine Refugees reaches 44 per cent in Gaza Strip, UN agency says. (8 Mei, 2015). Diakses 8 Mei, 2015, dari UN News Centre: <http://www.un.org/apps/news/story.asp?NewsID=50806#.VVkzyPmqkko>

VPM AGM 2014. (2014). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina Malaysia: <http://vpm.org.my/events/events/124-vpm-agm-2014>

What are human rights?. (t.t.). Diakses 14 Mei, 2015, dari Office The High Commissioner Human Rights: <http://www.ohchr.org/EN/Issues/Pages/WhatareHumanRights.aspx>

With Khaled Meshaal. (2013). Diakses 27 Oktober, 2015, dari Viva Palestina



Malaysia:
<http://vpm.org.my/events/events/85-with-khaled-meshaal>.

